



**SIARAN MEDIA  
UNTUK SIARAN SEGERA**

## **PEMBAHARUAN CELCOM BLUE CUBE SELURUH NEGARA UNTUK PENGALAMAN PELANGGAN YANG HEBAT**

**KUALA LUMPUR, 30 NOVEMBER 2017** – Celcom Axiata Berhad hari ini memperkenalkan wajah dan suasana baharu Celcom Blue Cube dalam usahanya untuk menyediakan pengalaman hebat kepada para pelanggan.

Celcom Blue Cube Taman Segar, Cheras menjadi premis pertama yang memperkenalkan wajah baharu tersebut. Tujuan utama imej baru tersebut diperkenalkan adalah bagi menyediakan pelanggan dengan pengalaman runcit yang menarik dan begitu selesa, serta gabungan inovasi terkini seperti mesin pencetak 3D, peranti yang diperagakan, serta suasana industri yang lebih moden.

Rekabentuk terbaru ini akan turut diperkenalkan di kesemua cawangan Blue Cube di seluruh negara, bagi memastikan pengalaman yang konsisten dan unik tersebut dapat dirasai oleh kesemua pelanggan, dan ia merupakan pembaharuan yang dijalankan secara besar-besaran bagi kesemua premis Celcom sejak ia diperkenalkan pada tahun 1994.

Michael Kuehner, Ketua Pegawai Eksekutif, Celcom Axiata Berhad berkata premis runcit adalah aspek yang penting bagi mana-mana industri berorientasikan pengguna, dan amatlah penting untuk terus kekal relevan dalam memenuhi kehendak pelanggan yang sering berubah-ubah dengan rekabentuk yang kontemporari.

“Kami ingin membuat perubahan dalam cara pelanggan berhubung dengan jenama kami, dengan berubah mengikut kemahuan mereka. Sebuah suasana sosial yang dicipta melalui tanggapan pelanggan sebaik sahaja mereka masuk ke premis kami, serta perkhidmatan runcit yang cemerlang mencerminkan imej korporat syarikat, selain daripada potensi dalam menjana hasil jualan,” kata beliau.

René Werner, Ketua Perkhidmatan dan Pengalaman Pelanggan, Celcom Axiata Berhad berkata premis runcit memainkan peranan terpenting di antara saluran-saluran lain dalam pengalaman pelanggan.

“Kami ingin memberikan suasana yang membuatkan mereka ingin lebih kerap mengunjungi premis kami – sama ada untuk merasai inovasi yang telah kami bawakan atau untuk membeli apa yang mereka mahukan, dan ianya seperti melambangkan jenama Celcom yang baru. Kami ingin agar kesemua deria pelanggan terkesan dengan apa yang kami sediakan; sama ada melalui kopi yang dihidangkan atau pun dengan sentuhan kepada bahan yang tersedia di dalam premis, berserta layanan bersama senyuman yang manis.

“Selain itu, kami juga adalah yang pertama di Malaysia untuk memperkenalkan ciri-ciri yang terkini seperti alat cetakan 3D, di mana pelanggan boleh mencuba teknologi yang terkini dan begitu menarik, dan anak-anak pula dapat bermain dengan permainan konsol sementara menanti ibu bapa mereka menyelesaikan urusan mereka. Premis kami juga direkabentuk untuk memberi ruang bagi mengadakan sebarang acara kecil, misalnya demonstrasi peranti terkini. Kesimpulannya, ia bakal memberi pengalaman yang baru dan segar, dan kami berharap ia akan disukai dan disambut baik oleh pelanggan,” kata beliau.

Celcom mensasarkan untuk memberi wajah dan suasana baru kepada kira-kira 61 buah Blue Cube dalam tahun 2018. Pada masa terdekat ini juga Celcom akan memindahkan beberapa premis yang sedia ada ke kawasan komersil yang lebih menarik untuk memastikan ia lebih mudah untuk dikunjungi pelanggan.

- End -